

PERISTIWA BULAN REJAB

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ

سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَآيَاتِي بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *Subhanahu wa-Taala* dengan melakukan suruhan dan meninggalkan larangannya, semoga kita beroleh keredaan Allah *Subhanahu wa-Taala* di dunia dan akhirat.

Sidang jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa-Taala*.

Beberapa hari lagi, kita akan bertemu dengan bulan rejab yang mengandungi pelbagai kelebihan dan rahmat untuk orang yang beriman serta melakukan amal soleh, kerana bulan rejab antara bulan-bulan yang mulia dalam takwin Islam. Sepertimana firman Allah *Subhanahu wa-Taala* dalam surah al-Taubah ayat 36:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ

السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرُمٌ

Yang bermaksud: *Sesungguhnya bilangan bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua belas yang telah ditetapkan dalam kitab Allah semasa diciptakan langit dan bumi antaranya empat bulan yang dihormati.*

Mengikut pendapat para ulama, maksud empat bulan itu ialah Zulqaedah, Zulhijjah, Muharram dan Rejab, ia juga dikenali sebagai bulan haram iaitu dilarang berperang, ini disebabkan pada bulan Zulqaedah umat Islam dalam perjalanan untuk mengerjakan ibadah haji ke Makkah, bulan Zulhijjah umat Islam melakukan ibadah haji. Dan seterusnya bulan Muharram umat Islam kembali daripada menunaikan ibadah haji, sedangkan bulan Rejab ramai umat Islam melaksanakan ibadah umrah.

Ibnu Abbas telah menyatakan, sesungguhnya Allah *Subhanahu wa-Taala* memberikan ganjaran pahala yang amat besar kepada sesiapa yang melakukan amal soleh pada bulan-bulan tersebut termasuklah bulan Rejab ini. Maka pada bulan yang mulia ini, marilah kita memperbanyakkan berzikir, bertasbih, berselawat ke atas Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, membaca Al-Quran, berdoa dan amal ibadah yang lain.

Pada bulan ini, jauhilah diri kita, masyarakat dan negeri kita daripada perbuatan mungkar dan maksiat. Dengan itu, janganlah kita menganjurkan apa-apa program atau aktiviti yang berbentuk maksiat kerana akibatnya akan

menambahkan lagi kemurkaan Allah *Subhanahu wa-Taala* dan dosa yang lebih besar.

Sidang jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa-Taala*

Dalam Tafsir Al Qur'an Al 'Azim Ibnu Katsir menerangkan bahawa Rejab berasal daripada tarjib yang bererti menghormati. Oleh itu, Rejab adalah bulan yang layak dihormati dan dimuliakan.

Mulianya bulan Rejab ini kerana berlakunya peristiwa penting iaitu Isra' dan Mikraj dan mulai detik itu, umat Islam mula diwajibkan melaksanakan kefardhuan solat lima waktu sehari semalam. Firman Allah *Subhanahu wa-Taala* dalam surah Toha ayat 14:

إِنِّي أَنَا اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدْنِي وَأَقِمِ الصَّلَاةَ لِذِكْرِي ﴿١٤﴾

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya Akulah Allah, tiadalah Tuhan melainkan Aku, oleh itu, sembahlah Aku dan dirikan solat untuk mengingati-Ku.*

Bulan Rejab adalah bulan yang mulia, bermulanya bulan ini dalam sejarah umat Islam mempertahankan akidah mereka dengan perintah daripada Rasulullah sallallahu alaihi wasallam supaya berhijrah kali pertama ke Habsyah (Ethiopia). Ia berlaku berikutan peningkatan tekanan dan ancaman kepada baginda Rasulullah sallallahu alaihi wasallam dan mereka yang beriman kepada Allah *Subhanahu wa-Taala*. Rasulullah sedar bahawa agama Islam baharu sahaja hendak berputik di Mekah tetapi hampir setiap hari baginda sallallahu alaihi wasallam dan pengikutnya didera atau menerima ancaman yang menakutkan. Jadi, Rasulullah sallallahu alaihi wasallam bimbang ancaman sedemikian akan menyebabkan pengikutnya kembali kepada agama asal, jika tidak ada usaha membawa mereka keluar dari kota Mekah.

Sidang jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa-Taala*.

Bulan Rejab yang mulia ini mencatatkan sejarah yang gemilang kepada umat Islam iaitu pembebasan dan kejatuhan Baitul Maqdis. Baitul Maqdis yang mula dibuka pada zaman pemerintahan Amirulmukminin Sayidina Umar bin Al Khattab r.a. Selepas itu, kota suci tersebut ditawan kembali oleh musuh Islam dan mereka mempertahankannya selama 50 tahun, sebelum Sultan Salahuddin Al-Ayubi merampas semula kota itu pada 27 Rejab 583 Hijrah. Namun, selepas 760 tahun peristiwa pembebasan itu iaitu pada 28 Rejab 1342 Hijrah atau 1924 Masihi, sistem Khalifah Islamiah dihapuskan secara rasmi oleh Mustafa Kamal Pasha Atartuk di Turki. Penghapusan tersebut menyebabkan konsep ukhuwah dalam kalangan umat Islam yang dibentuk oleh Rasulullah SAW telah hilang dan kesannya, pada tahun 1948 Masihi (1377 Hijrah), Baitul Maqdis jatuh semula kepada musuh Islam sehingga kini.

Peristiwa terakhir yang juga berlaku pada bulan Rejab ialah lahirnya Imam As-Syafie. Kelahiran Imam As-Syafie pada 150 Hijrah bersamaan 767 Masihi di Gaza, Palestin itu sebagai permata yang berharga kepada umat Islam pada hari ini. Beliau merupakan salah seorang daripada Imam Mazhab yang empat dan Malaysia adalah antara negara yang mengamalkan mazhab As-Syafie. Kehebatan beliau dalam dunia ilmu agama dikagumi oleh semua orang. Imam Ahmad Bin Hanbal pernah berkata: Imam As-Syafie itu ibarat matahari bagi dunia."

Mengakhiri khutbah hari ini marilah kita bersama-sama muhasabah diri kita dengan memuliakan bulan Rejab dengan memperbanyakkan ibadah untuk mempersiapkan diri bagi menghadapi bulan Syaaban dan Ramadan yang akan

datang. Mudah mudahan kita diampuni dan dilimpahi dengan kehidupan akhirat yang penuh dengan nikmat. Firman Allah dalam surah Ali-Imran ayat 133:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ

أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾

Yang bermaksud: “ Dan segeralah kamu kepada keampunan dari Tuhan kamu, dan Syurga yang luasnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang yang bertakwa.”

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعِنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ
اللَّهُ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ